



## UPM Raih 4 Pingat Emas Di Jerman



Dari kiri: Prof. Dr. Maznah Ismail, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff, Dr. Osumanu Haruna Ahmed dan Prof. Madya Dr. Sabira Khatun.

**Nuremberg** – UPM berjaya meraih 4 pingat emas, 1 pingat perak dan 3 pingat gangsa pada pameran *International Exhibition of Ideas-Inventions-New Products (IENA)* dengan mempertaruhkan 8 projek daripada 4 penyelidiknya di sini baru-baru ini.

Pingat emas telah dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Sabira Khatun dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk *PIC Multi-User Receiver for Multi Rate Combined CDMA and SDMA Systems with Increased Capacity* iaitu inovasi meningkatkan keupayaan rangkaian tanpa wayar dengan menggabungkan Capaian Berbilang Pembahagi Kod (CDMA) dan Capaian Berbilang Pembahagi Ruang (SDMA).

Katanya hasil gabungan itu menambahbaik prestasi berbanding CDMA yang tulen. Bahkan, sistem gabungan C-SDMA dengan PIC mampu menerima lebih banyak pengguna berbanding dengan sistem lain.

Pingat emas kedua dimenangi oleh Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff dari Fakulti Kejuruteraan dengan produk *Agricultural Land Suitability Evaluator* dengan inovasi sistem perisian komputer menggunakan Sistem Maklumat Geografi yang membolehkan pengguna menentukan kawasan tanah paling sesuai untuk mengusahakan sesuatu tanaman.

“Pelaburan pengusaha atau agensi kerajaan terjamin kerana kawasan sesuai yang dikenalpasti akan memberi pulangan yang baik di samping boleh memelihara alam sekitar kerana pengurusan tanah dan aplikasi baja dan kimia dapat diminimakan,” katanya.

Pingat emas ketiga dimenangi oleh Prof. Dr. Maznah Ismail dari Institut Biosains dengan produk *Thymoquinone Rice Fraction Prepared from Nigella Sativa Seeds with Cardioprotective and Neuroprotective Properties* iaitu inovasi bahan tambahan daripada habatus sauda atau jintan hitam yang mempunyai banyak kebaikan untuk penjagaan kesihatan seperti mengurangkan risiko masalah penyakit jantung, penyakit nyanyuk dan anti kanser usus.

Pingat emas keempat dimenangi oleh Dr. Osumanu Haruna Ahmed dari Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu Sarawak dengan produk *Simple Rapid and Cost Effective Technology for Producing Organic Based Fertilizer* iaitu teknologi baru yang mengekstrak asid humik dan asid fulvik daripada bahan organik dalam masa tujuh jam berbanding kaedah sedia ada antara yang memakan masa dua hingga tujuh hari.

“Penggunaan asid humik dan asid fulvik ini bersama urea dapat mengurangkan kadar pemeruapan gas ammonia dari 50% hingga 100%. Ianya juga telah meningkatkan keberkesanan baja urea tersebut sehingga 40% dan secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pencemaran udara,” katanya.

Pameran *International Exhibition of Ideas-Inventions-New Products (IENA)* ini telah

berlangsung dari 5 hingga 8 November lalu telah mempertandingkan lebih daripada 800 produk daripada 33 buah negara.

**Berita ini disediakan oleh Nasreena Hailani ( 012-3167424) dan disunting oleh Seksyen Media Bahagian Komunikasi Koprorat UPM. Untuk maklumat lanjut sila hubungi Khairul Anuar Muhamad Noh (013-3957650).**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia